

## Topik 5: Keempat-empat Kuasa Jatuh dan Diikuti dengan Hari Penghakiman

---

Apabila kepausan mengambil alih kuasa Eropah, ia menggunakan kerajaan - kerajaan Eropah untuk menguasai dunia. Para mubaligh Katolik bergerak bersama - sama dengan penjelajah Katolik. Gereja Katolik mengisytiharkan bahawa apabila orang-orang Eropah menemui tanah orang kafir dan negara lain, mereka boleh menuntut kawasan tersebut sebagai milik mereka sendiri.

Dengan cara ini, kepausan menjadi empayar yang paling kuat, walaupun dia menguasai dunia dengan menggunakan kuasa lain, dan tidak menggunakan askar kecilnya itu.

*Kekuatannya akan menjadi hebat, tetapi tidak sekuat yang terdahulu, dan ia akan mendatangkan kebinasaan yang mengerikan, dan apa sahaja yang dilakukannya akan berhasil; orang-orang berkuasa akan dibinasakannya, juga umat orang kudus.*  
(Daniel 8:24)

Melalui cara ini, Eropah mengambil alih Afrika Utara, Afrika Timur, Afrika Barat, dan Afrika selatan. Dia menguasai India, Pakistan, Bangladesh dan Myanmar. Ia berkuasa atas Tanah Melayu, Indonesia dan Philippines, dan juga benua Australia. Suku Eropah berkuasa di kebanyakan Amerika Utara, Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

Apabila Kepausan ini menjadi terkenal, mereka dengan senang berfikir bahawa mereka adalah golongan bijak dan berkuasa. Itu yang telah berlaku pada Kepausan. Seperti yang kita lihat dalam siri sebelum ini, mereka menjelajah ke tempat jauh untuk menganiaya umat Allah dan juga semua orang yang tidak sependapat dengan pandangan mereka atau yang tidak tunduk kepada kuasanya mereka.

Allah membenarkan perkara ini berlaku lebih dari seribu tahun, tetapi setelah matlamat Allah yang bijaksana ini tercapai dalam membenarkan sifat sebenar kuasa ini dilihat, Allah membuat suatu perjumpaan di syurga untuk menilai sifat semua orang yang mengaku sebagai pengikut Allah di dunia ini.

*Lalu aku ingin mendapat penjelasan tentang binatang yang keempat itu, yang berbeda dengan segala binatang yang lain, yang sangat menakutkan, dengan gigi*

*besinya dan kuku tembaganya, yang melahap dan meremukkan dan menginjak-injak sisanya dengan kakinya; dan tentang kesepuluh tanduk yang ada pada kepalanya, dan tentang tanduk yang lain, yakni tanduk yang mempunyai mata dan yang mempunyai mulut yang menyombong, yang tumbuh sehingga patahlah tiga tanduk, dan yang lebih besar rupanya dari tanduk-tanduk yang lain. Dan aku melihat tanduk itu berperang melawan orang-orang kudus dan mengalahkan mereka, sampai Yang Lanjut Usianya itu datang dan keadilan diberikan kepada orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi dan waktunya datang orang-orang kudus itu memegang pemerintahan. (Daniel 7: 19- 22)*

*Sementara aku terus melihat, takhta-takhta diletakkan, lalu duduklah Yang Lanjut Usianya; pakaian-Nya putih seperti salju dan rambut-Nya bersih seperti bulu domba; kursi-Nya dari nyala api dengan roda-rodanya dari api yang berkobar-kobar; suatu sungai api timbul dan mengalir dari hadapan-Nya; seribu kali beribu-ribu melayani Dia, dan selaksa kali berlaksa-laksa berdiri di hadapan-Nya. Lalu duduklah Majelis Pengadilan dan dibukalah Kitab-kitab. Aku terus melihatnya, karena perkataan sombong yang diucapkan tanduk itu; aku terus melihatnya, sampai binatang itu dibunuh, tubuhnya dibinasakan dan diserahkan ke dalam api yang membakar. (Daniel 7:9-11)*

Penghakiman di syurga dengan ratusan juta malaikat melihat, sedang berlaku sekarang ini. Dan penghakiman ini belum berakhir. Ini adalah penghakiman untuk orang melayu dan kepada semua orang di dunia ini. Mereka yang, seperti Gereja Roman Katolik, yang berani melawan hukum Allah akan dihukum dalam penghakiman ini manakala umat setia Allah akan dilihat benar dalam penghakiman yang sama.

Kemudian, apabila penghakiman ini berakhir, ada dua perkara yang akan berlaku di dunia ini. Daniel melihat, di dalam nubuatan yang baru kita pelajari, bahawa Kepausan akan dihapuskan. Itu berlaku pada masa akan datang dan kita akan terus mempelajarinya. Juga, Tuhan akan mengambil bumi ini dari kuasa penjajah yang sombong dan juga dari semua negara lain dan Dia akan suatu hari nanti memberikannya kepada orang-orang kudus. Dan mereka akan “memiliki kerajaan.”

Nubuatan yang menakjubkan ini sangat berguna untuk mereka yang tinggal di Malaysia sekarang.

Ia menerangkan, contohnya, mengapa kerajaan Kristian kelihatan seperti tidak menghormati para nabi? Mengapakah perkara itu berlaku? Kerana mereka mengikuti contoh dari ketua mereka iaitu Gereja Roman Katolik dimana mereka melarang untuk mengajar Alkitab dan berusaha untuk menghapuskan kuasa hukum Allah. Gereja yang murtad itu menyangka bahawa mereka mempunyai kuasa atas semuanya itu.

*Ia akan mengucapkan perkataan yang menentang Yang Mahatinggi, dan akan menganiaya orang-orang kudus milik Yang Mahatinggi; ia berusaha untuk mengubah waktu dan hukum, dan mereka akan diserahkan ke dalam tangannya selama satu masa dan dua masa dan setengah masa. (Daniel 7:25)*

Bab ini menerangkan, dengan cara yang sama, mengapa gereja “Kristian” seperti Katolik (di Eropah dan Asia), atau Coptic (di Afrika Utara), atau Orthodox (di Timur Tengah dan Russia) menggunakan patung para dewa untuk disembah? (Hukum sepuluh Allah melarang kita untuk menyembah kepada patung. Allah juga melarang kita untuk membuat gambar untuk dipuja atau disembah. Tetapi undang- undang ini dilanggar oleh kuasa Roman Katolik.

Idea ini mempengaruhi perkara yang lain. Mereka menjelaskan mengapa muzik barat dan lakonan mereka sangat jahat dan penuh dengan noda. Adakah mereka menggambarkan ajaran para nabi? Tidak sama sekali. Isa berfirman, barangsiapa yang melihat perempuan dan mempunyai nafsu terhadapnya, dia telah melakukan zina di dalam hatinya. Isa juga berfirman apabila seseorang menampar anda, anda juga harus membenarkan dia melakukannya lagi tanpa membalasnya kembali.

Tentu sekali! Disebabkan pengaruh tanduk kecil ini, orang menjadi jijik untuk mengenali ajaran para nabi dan ini membawa orang lain menjadi atheists dan yang lain pula bersikap keduniawian. Dan disebabkan tiada hormat akan hukum Allah, dan disebabkan mereka yang mengaku percaya akan Alkitab tidak berubah dari hati, tidak ada kuasa yang dapat menghentikan mereka daripada melakukan kejahatan.

Setan menggunakan cara ini untuk menipu di pelbagai tempat. Masyarakat melihat sikap kemanusiaan yang jahat di dalam lakonan yang dilakukan oleh orang yang mengaku sebagai nagara “Kristian” seperti USA dan disebabkan itu, ramai yang membuat kesimpulan bahawa semua umat Kristian, termasuklah mereka yang benar- benar setia turut serta dibenci.

But let us get back to the amazing prophecies of Daniel. There is much more to learn about the Day of Judgment, and we will get to that information in our next video on the prophecies of one of the greatest prophets.

Tetapi marilah kita kembali kepada nubuatan Daniel yang menakjubkan. Banyak lagi perkara yang harus kita pelajari mengenai Hari Penghakiman, dan kita akan mendapat maklumat itu dalam siri yang seterusnya mengenai nubuatan-nubuatan salah satu daripada nabi terbesar.